

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 18 NOVEMBER 2017 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Tiada aktiviti seismik yang signifikan di Lautan Hindi	BERNAMA
2.	SIRIM-Fraunhofer peruntuk geran RM35 juta	Utusan Malaysia
3.	44 PKS terima penghargaan sertai Program SIRIM-Fraunhofer	BERNAMA
4.	ABMS Yayasan Pahang diiktiraf SIRIM	Berita Harian
5.	Empat agensi meterai MoU lahirkan lebih ramai graduan berciri-ciri usahawan	BERNAMA
6.	Weather system may be illegal	The Star
7.	RM100 juta diperuntukkan untuk pakaian seragam rela	BERNAMA



Tiada Aktiviti Seismik Yang Signifikan Di Lautan Hindi

Tarikh kemaskini: 17/11/2017

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD)** mengesahkan tiada aktiviti seismik yang signifikan berlaku di Lautan Hindi susulan tular kejadian ikan terdampar di pantai dan ramalan gempa bumi besar di perairan berkenaan.

Ketua Pengarahnya Alui Bahari berkata pihaknya mempunyai rangkaian pemantauan gempa bumi dan tsunami yang lengkap termasuk data antarabangsa seperti pautan data dengan pusat pemantauan gempa bumi di Indonesia, India dan Australia yang memantau aktiviti seismik di Lautan Hindi.

"Justeru, MMD berupaya memberikan maklumat gempa bumi dan amaran awal tsunami sekiranya berlaku kejadian gempa bumi," katanya dalam kenyataan, di sini hari ini.

Baru-baru ini, tular di media sosial mengenai kejadian ikan terdampar di pantai dan tangkapan ikan yang banyak oleh nelayan yang kononnya menunjukkan akan berlaku bencana pada hujung tahun ini.

Turut tular surat seorang profesor yang mendakwa memiliki persepsi deria tambahan yang dihantar kepada Perdana Menteri India Narendra Modi untuk memberi amaran bahawa gempa bumi besar akan melanda Lautan Hindi bulan depan.

Alui berkata MMD selaku jabatan yang bertanggungjawab memantau kejadian gempa bumi di rantau ini akan mengeluarkan maklumat gempa bumi dan amaran tsunami sekiranya ia mengancam kawasan pantai negara ini.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 15
TARIKH : 18 NOVEMBER 2017 (SABTU)

Sirim-Fraunhofer peruntuk geran RM35 juta

Oleh **NUR HANANI AZMAN**
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 17 Nov. - Sirim Bhd., agensi penyelidikan dan teknologi utama negara memperuntukkan geran bernilai RM35 juta bagi program Sirim-Fraunhofer pada 2018 kepada lebih 400 usahawan tempatan.

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Prof. Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani berkata, pada tahun ini sebanyak RM20 juta telah disalurkan di bawah geran sama dan RM30 juta lagi tahun sebelumnya.

Katanya, program terbabit telah diperkenalkan sejak 2015 bertujuan meningkatkan produktiviti perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui peningkatan keupayaan teknologi dan inovasi bagi melonjakkan perniagaan mereka.

Jelas beliau, program Sirim-Fraunhofer meliputi pelbagai industri seperti elektrik dan elektronik; bahan pembungkusan; mesin dan kejuruteraan; biote-

knologi, makanan dan minuman (F&B), produk kesihatan serta pelabelan dan pembungkusan.

"Buat masa ini, lebih 50 peratus daripada jumlah geran yang telah disalurkan diterima oleh syarikat F&B didorong permintaan yang tinggi. Setiap syarikat boleh menerima geran bernilai kira-kira RM200,000.

"Pada tahun depan, Sirim merancang untuk memperluaskan lagi saluran geran ini kepada seg-

men lain yang berkaitan Industri Keempat (Industri 4.0)," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Eksekutif 1 SME Corp, Rizal Nainy.

Terdahulu, Sirim memberi penghargaan kepada 44 PKS yang terlibat di dalam Program Sirim-Fraunhofer bersempena Pameran Tahunan Perusahaan Kecil dan Sederhana 2017 (Smidex 2017).

Sebanyak 20 syarikat telah me-

laksanakan projek di bawah program SIRIM-Fraunhofer antaranya Global Factor Sdn. Bhd., Munif Hijjaz Marketing Sdn. Bhd. dan Akif-caffe Coffee Industries Sdn. Bhd.

Sementara itu, 24 syarikat lagi telah melaksanakan Audit Teknologi termasuk SI Acoustic Sdn. Bhd, Quantum Electro Opto System Sdn. Bhd., Nubex Sdn. Bhd., G&G Desert Products Sdn. Bhd. dan Deligatiaux (M) Sdn. Bhd.



AHMAD FADZIL MOHAMAD HANI (berdiri belakang, tujuh dari kiri) dan **Rizal Nainy** (berdiri belakang, lima dari kiri) bersama peserta program SIRIM-Fraunhofer selepas majlis penyampaian penghargaan di MITEC, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AZLAN HADI ABU BAKAR



44 PKS Terima Penghargaan Sertai Program SIRIM-Fraunhofer

Tarikh kemaskini: 17/11/2017

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- **Sirim Bhd** hari ini memberi penghargaan kepada 44 usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di atas penglibatan mereka dalam Program SIRIM-Fraunhofer bagi meningkatkan produktiviti serta ekonomi perusahaan mereka.

Antara syarikat-syarikat itu ialah Global Factor Sdn Bhd, Munif Hijjaz Marketing Sdn Bhd, Akifcafe Coffee Industries Sdn Bhd, Now Foods Sdn Bhd, SI Acoustic Sdn Bhd, Quantum Electro Opto System Sdn Bhd dan Nubex Sdn Bhd.

Mereka terdiri daripada usahawan pelbagai industri seperti elektrik dan elektronik, bahan pembungkusan, pemesinan dan kejuruteraan, bioteknologi, makanan dan minuman, produk kesihatan serta pelabelan dan pembungkusan, katanya di dalam satu kenyataan hari ini.

Program SIRIM-Fraunhofer turut menyediakan geran bagi pelaksanaan Audit Teknologi serta projek intervensi teknologi dan inovasi untuk menangani isu-isu yang mengekang peningkatan produktiviti syarikat.

"Sehingga kini sebanyak 487 syarikat pembuatan telah menyertai Audit Teknologi dan 129 PKS terlibat dalam pelbagai projek aplikasi teknologi serta inovasi seperti mekanisasi dan automasi serta pembangunan produk," kata Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Prof Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani.

Program SIRIM-Fraunhofer ialah kerjasama antara Sirim, sebuah agensi penyelidikan dan teknologi utama negara di bawah **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** dan Fraunhofer Institute dari Jerman.

Ia dimulakan pada 2015 bagi memberi penekanan kepada pengenalpastian masalah PKS melalui Audit Teknologi dan seterusnya menyelesaikan masalah yang dikenal pasti menerusi perkhidmatan teknologi dan inovasi.

-- BERNAMA

ABMS Yayasan Pahang diiktiraf SIRIM

➔ Sistem Pengurusan Pencegahan
Rasuah mampu tukar persepsi

Oleh Nik Sukry Ramli
niksukry@bh.com.my

Kuantan

Yayasan Pahang mencipta rekod tersendiri apabila Sistem Pengurusan Pencegahan Rasuah (ABMS) yang diperkenalkan sejak sebulan lalu, memperoleh Skim Persijilan ABMS ISO 37001:2016 daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd.

Berikutan kejayaan itu, Yayasan Pahang adalah antara 11 organisasi pertama di negara ini menerima pengiktirafan sedemikian termasuk Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), PETRONAS, Lembaga Tabung Haji dan Jabatan Imigresen. Pengurus Besar Yayasan Pahang,

Datuk Mahmud Mohd Nawawi, berkata sistem ABMS itu memudahkan pihak pengurusan memantau semua pegawai dan kakitangannya.

Beliau berkata, penggunaan sistem itu adalah pelengkap kepada inisiatif yang dijalankan mereka melalui penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) yang sedia ada.

Pantau lebih berkesan

"Jika sebelum ini kita sudah ada JITU bagi mencegah dan mengawal gejala rasuah, melalui sistem ABMS ini, kita dapat melakukan pemantauan dengan lebih berkesan dan sistematik."

"Tujuan kita perkenalkan sistem ABMS adalah bagi menukar persepsi masyarakat yang sering melabelkan agensi Kerajaan Persekutuan atau negeri tidak berdaya saing dan terdedah dengan amalan rasuah."



Abu Bakar menyampaikan sijil penghargaan kepada Mahmud (tiga dari kiri) sempena pelancaran Sistem Pengurusan Pencegahan Rasuah (ISO 37001), baru-baru ini.



Tanggapan seperti ini perlu diubah dan kita percaya melalui pengenalan sistem seumpama ini dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap agensi kerajaan"

Mahmud Mohd Nawawi,
Pengurus Besar Yayasan
Pahang

tuan atau negeri tidak berdaya saing dan terdedah dengan amalan rasuah.

"Tanggapan seperti ini perlu diubah dan kita percaya melalui pengenalan sistem seumpama ini dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap agensi kerajaan," katanya ketika ditemui dia di Kompleks Yayasan Pahang, di sini, semalam.

Mahmud berkata, sistem ABMS yang dibangunkan Yayasan Pahang itu turut memperoleh Skim Persijilan ABMS ISO 37001:2016 daripada SIRIM QAS International Sdn Bhd.

Beliau berkata, anugerah itu disampaikan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah pada majlis yang diadakan di ibu negara, Jumaat lalu.

Mahmud berkata, sistem ABMS memberi penekanan kepada usaha mengukur, mengekang dan menghalang perlakuan rasuah meliputi siri pengukuran dan kawalan mewakili amalan baik antirasuah peringkat global.

Katanya, sistem ABMS lebih sistematik walaupun sebelum ini mereka sudah melaksanakan audit nilai secara dalaman dan luaran, ikrar integriti korporat dan pembangunan nilai murni.

"Kita sudah melaksanakan pelbagai inisiatif seperti pertukaran dalaman di jabatan yang berisiko terdedah dengan rasuah setiap enam bulan sekali. Sudah pasti pencapaian ini adalah sesuatu yang membanggakan, apatah lagi, kami adalah antara 11 organisasi pertama di negara ini menerima pengiktirafan seperti ini," katanya.



Empat Agensi Meterai MoU Lahirkan Lebih Ramai Graduan Berciri-ciri Usahawan

Tarikh kemaskini: 17/11/2017



PUTRAJAYA, 17 Nov (Bernama) -- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) hari ini memeterai memorandum persefahaman dengan **Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)**, Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) untuk bekerjasama dalam program pembangunan usahawan di institusi pendidikan tinggi (IPT).

Menteri berkenaan Datuk Seri Idris Jusoh berkata MoU itu mencerminkan usaha yang jitu dan kolaborasi yang baik di antara kementerian dan pihak industri dalam melahirkan graduan yang mempunyai ciri-ciri usahawan.

"Selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara keusahawanan, KPT memainkan peranan dalam memastikan graduan yang keluar daripada universiti, politeknik dan kolej komuniti mempunyai ciri-ciri usahawan," katanya pada sidang media selepas menyaksikan majlis menandatangani MoU itu di sini.

Katanya kerjasama itu juga selaras dengan sasaran KPT untuk melihat lima peratus daripada jumlah pelajar yang menamatkan pengajian setiap tahun menjadikan keusahawanan sebagai kerja pilihan menjelang 2020 berbanding tiga peratus buat masa ini.

Menurut kenyataan KPT yang diedar kepada media pada majlis itu, MoU di antara KPT dan MTDC untuk tempoh lima tahun itu adalah bagi memberi latihan dan bimbingan dalam melahirkan usahawan teknologi dalam kalangan pelajar bagi memenuhi keperluan pasaran Industri 4.0.

Perjanjian selama tiga tahun di antara KPT dan MaGIC pula bermatlamat meningkatkan bilangan syarikat pemula niaga dalam kalangan pelajar manakala kerjasama setahun di antara KPT dan Teraju adalah untuk program Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (Superb) Higher Education meliputi latihan keusahawanan, membina kepakaran dan kemahiran,? demikian menurut kenyataan itu.

Di majlis sama, Idris turut menyampaikan geran keusahawanan bernilai RM50,000 bagi setiap projek keusahawanan kepada 10 kumpulan pelajar bumiputera IPT yang memenangi 'Superb Higher Education League' anjuran bersama Teraju, KPT dan MaGIC yang diadakan bermula September lalu.

Mengenai pengiktirafan tertinggi Majlis Penarafan Universiti dan Kolej Universiti (SETARA) 2017 yang diumumkan semalam, Idris berkata universiti yang mendapat empat bintang dan ke bawah maklum akan kelemahan mereka masing-masing.

"Saya nak pastikan mereka yang mendapat empat bintang (dan ke bawah) tidak merasa dianiayai dan melihat sistem itu sebagai adil dan mengetahui di mana kelemahan mereka, terutamanya dari segi kajian yang dilakukan," katanya.

--BERNAMA

'Weather system may be illegal'

Expert: Penang's proposed alert service has serious legal implications

By RAZAK AHMAD
razak@thestar.com.my

PETALING JAYA: Penang's move to set up an independent weather alert system is feasible, but has serious legal implications, says a climate expert.

Universiti Malaya's Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah said that meteorological services in the region, such as those in Vietnam, the Philippines and Thailand, track weather systems that move across the boundaries of countries.

"There is an overlap in the data collected, so it is feasible if Penang wants to source for weather alerts from the meteorological services in other countries.

"However, this must be done by well-trained experts. More importantly, they must realise that they will assume a legal responsibility if they were to issue their own alerts," he said.

On Tuesday, Penang Chief Minister Lim Guan Eng was quoted as saying that the state would conduct a study on how data from meteorological services in the region could be compiled and used for alerts.

Lim, who was addressing the state assembly during his winding-up address, reportedly expressed frustration over what he claimed was a "last-minute" red alert of heavy rain issued by the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia).

Elaborating on the legal responsi-



Weather woes: A car seen submerged on an inundated street in George Town after heavy rain during the recent floods. — Bernama

bility involved, Prof Azizan gave an example: "Let's say Penang issues an advisory saying it won't rain while MetMalaysia says it will rain heavily. It then turns out that rain falls very heavily, causing floods. Who will be responsible?"

As a government agency under the Science, Technology and Innovation Ministry, MetMalaysia is the authorised body to issue alerts and is answerable to Parliament,

said Prof Azizan.

He said other agencies involved with weather emergencies, including the National Security Council and the National Disaster Management Agency, also operated under rules and regulations.

"When an agency forecasts that the water levels at a river will soon rise above danger levels, there is legal basis to instruct residents to move to safety.

"The legal basis that a Penang government alert would have is something that has to be studied," said Prof Azizan.

He said it was understandable if the Penang government was unhappy over the state of affairs, but any move by Penang to collect its own weather data should complement MetMalaysia's efforts.

"My suggestion is to have their own team to cooperate with MetMalaysia and all other agencies involved."

Dr Fredolin Tangang, a professor of Climatology and Physical Oceanography at Universiti Kebangsaan Malaysia, said weather forecasting was not a simple matter and should be left to trained professionals.

"We already have MetMalaysia, and if people don't understand the process of forecasting, perhaps a working visit to MetMalaysia will be helpful to understand what's being done and what are the constraints involved.

"Just assigning blame is not the way to go," he said.

A MetMalaysia official declined to comment when contacted.

The department had earlier denied allegations that it was late in issuing a warning on the bad weather in Penang.

Its director-general Alui Bahari said a warning was issued as early as Nov 1 – three days before the floods – and forwarded to the relevant state authorities.



RM100 Juta Diperuntukkan Untuk Pakaian Seragam Rela

Tarikh kemaskini: 18/11/2017

MELAKA, 18 Nov (Bernama) -- Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) akan membelanjakan RM100 juta daripada peruntukan Bajet 2018 berjumlah RM250 juta yang diterima bagi pembelian pakaian seragam anggota dan pegawai jabatan itu di seluruh negara.

Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri Datuk Seri Alwi Ibrahim berkata perbelanjaan berkenaan merupakan sebahagian besar daripada keperluan memandangkan jumlah keanggotaan sukarelawan Rela adalah sebanyak 3.05 juta manakala anggota tetap seramai 1,100 orang.

"Kita akan menguruskan peruntukan ini segera dan mengagihkan kepada anggota Rela di seluruh negara kerana pakaian seragam ini adalah penting bagi agensi keselamatan terutama ketika menjalankan tugas.

Selain itu, Rela juga menerima peruntukan bagi perbelanjaan mengurus sebanyak RM112.87 juta manakala RM13.1 juta bagi perbelanjaan pembangunan untuk tahun hadapan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan penutup Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Asas Pegawai Rela Siri 02/2017 di sini, hari ini.

Pada majlis itu, seramai 60 peserta berjaya menamatkan Kursus Asas Pegawai Rela selama dua bulan sebelum menerima pelantikan bagi gred KP 19, 29 dan 41.

Turut hadir Ketua Pengarah Rela Zulkifli Abidin dan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Rela Kamaruddin Mohd Rapiq.

Sementara itu, Alwi berkata sebanyak RM7 juta turut diperuntukkan bagi menaik taraf Pusat Latihan di Tuaran Sabah pada tahun hadapan selaras dengan langkah kerajaan untuk melahirkan pegawai Rela yang terlatih serta siap sedia untuk pelbagai tugas di lapangan.

Beliau berkata selain memastikan pegawai yang dilantik mendapat latihan yang ditetapkan, Rela juga memantau beberapa aspek lain termasuk rohani, moral dan sosial dalam kalangan anggota berkenaan agar imej jabatan berkenaan dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak tercalar.

"Bilangan mereka yang bermasalah dalam kalangan anggota dan sukarelawan adalah sangat kecil, namun kita akan sentiasa melakukan tapisan dan pemantauan kerana kita mahu mereka yang benar-benar komited, berdisiplin, berintegriti dan bebas daripada masalah sosial atau jenayah," katanya.

Sementara itu, beliau berkata semua anggota dan sukarelawan Rela berada dalam keadaan bersedia untuk berhadapan bencana banjir yang diramal berlaku di Pantai Timur pada hujung tahun ini.

Katanya selain menggerakkan Pasukan Pengurusan Krisis yang berada di setiap daerah di kawasan terlibat, anggota Rela dan sukarelawan dari kawasan berhampiran turut akan membantu aspek keselamatan dan pemindahan mangsa banjir.

"Kita sentiasa memantau perkembangan cuaca menerusi laporan daripada **Jabatan Meteorologi** dan sekiranya diperlukan kita telah bersiap sedia," katanya.

-- BERNAMA